

**Kastam Sabah Sasar 5,000 Individu Dan Syarikat Daftar GST
Bernama
August 26, 2014**

KOTA KINABALU, 26 Ogos (Bernama) -- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah menasaskan 5,000 orang perseorangan yang menjalankan perniagaan dan syarikat membuat pendaftaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang berkuat kuasa 1 April 2015.

Pengarah JKDM Sabah Datuk Dr Janathan Kandok berkata setakat ini lebih 500 individu dan syarikat yang menjalankan perniagaan di Sabah mendaftar dengan JKDM negeri bagi pelaksanaan GST.

"Kita masih tidak berpuas hati dengan jumlah pendaftaran itu dan semua pihak digesa untuk mendaftar kerana Kastam Sabah bersedia membantu pendaftaran GST," katanya dalam sidang akhbar di sini Selasa.

Semua pihak berkaitan digesa mendaftar termasuk individu, penulis, pelukis, penjual kereta, pemilik tunggal, perkongsian, syarikat, pemegang amanah, pertubuhan, kesatuan, kelab persatuan atau mana-mana organisasi termasuk jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam perniagaan yang membuat pembekalan bercukai di Malaysia dan jika perolehan bercukai tahunannya melebihi RM500,000.

Menurutnya, pendaftaran boleh dilakukan secara dalam talian melalui laman web www.gst.customs.gov.my selain pejabat JKDM Sabah melalui KIOSK Pendaftaran MyGST di beberapa lokasi yang akan diumumkan dari semasa ke semasa.

Pada 25 Julai lepas, JKDM meminta syarikat perniagaan dan orang perseorangan yang menjalankan perniagaan supaya membuat pendaftaran wajib GST sebelum 31 Dis 2014 bagi mengelak mereka dikenakan tindakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1063441>